



AKHBAR	:	SINAR HARIAN
TARIKH	:	16/7/2018
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>
		MUKA SURAT : 35

# Geng seludup hidupan liar tumpas

Aktiviti haram untuk pasaran luar negara

MOHD FIRDAUS YON

PASIR GUDANG

**P**olis berjaya merampas 15 bungkusan mengandungi tulang, tengkorak dan bahagian hidupan liar seberat 37.3 kg dalam dua serbuan berasingan di sekitar Johor Bahru, Khamis lalu.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Bukit Aman, Datuk Seri Zulkifli Abdullah berkata, pihaknya turut menahan lima individu dalam serbuan terbabit yang mendapat kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Johor.

Menurutnya, kesemua suspek disyaki menjalankan aktiviti penyeludupan hidupan liar iaitu harimau.

"Lokasi pertama serbuan sekitar jam 6 petang, kita menangkap empat lelaki berusia



Zulkifli bersama Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd (kanan) ketika sidang media, semalam.

29 hingga 72 tahun dan hasil pemeriksaan di dalam rumah yang diserbu berjaya merampas empat bungkusan mengandungi disyaki tulang, tengkorak dan bahagian hidupan liar dengan berat lebih kurang 13.8 kg.

"Serbuan kedua dilakukan di Ulu Tiram sekitar jam 6.10 petang, telah menangkap seorang lelaki berumur 71 tahun.

"Hasil pemeriksaan di dalam rumah telah berjaya merampas 11 bungkusan mengandungi disyaki tulang,

tengkorak dan bahagian hidupan liar seberat lebih kurang 23.5 kg," katanya ketika sidang media di sini, semalam.

Zulkifli berkata, kelima-lima suspek terbabit yang ditahan untuk siasatan lanjut telah direman selama dua hari dan dibebaskan di bawah jaminan polis semalam.

Katanya, kesalahan dilakukan adalah di bawah Seksyen 68 Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 iaitu menyimpan hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya.

"Sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang RM100,000 dan tidak lebih RM500,000 dan dengan hukuman penjara tidak lebih lima tahun.

"Ini merupakan satu kesalahan serius dan kejayaan kedua terbesar kita buat dalam tahun ini iaitu yang pertama di Gerik dengan rampasan senjata api serta bahagian hidupan liar," katanya.

Mengulas lanjut mengenai rampasan di Johor, beliau berkata, pihaknya percaya binatang liar itu telah



**15 BUNGKUS MENGANUNGI**

- Tulang
- Tengkorak
- Bahagian anggota hidupan liar
- Berat bungkusan 37.3kg
- 5 individu ditahan
- Tujuan eksport ke China

\*Serbuan hasil kerjasama Perhilitan Johor

INFO GRAFIK: SINAR HARIAN/EPIC

dimatikan untuk tujuan mendapatkan habuan daripada bahagian-bahagian haiwan tersebut.

"Ia dibawa masuk secara haram ke Malaysia dari negara Indonesia dan dipercayai untuk dieksport ke China.

"Untuk itu polis akan bekerjasama dengan polis Indonesia untuk berkongsi maklumat tentang sindiket ini yang ada di sana dan rakan sejawat kita dari negara China untuk melihat ke manakah

destinasi akhir barang-barang yang kita telah rampas.

"Kita percayai perkara-perkara yang dirampas ini untuk tujuan perubatan dan lain-lain seperti mana kita sedia maklum," katanya.

Difahamkan rampasan dilakukan melibatkan set tengkorak dan tulang dipercayai harimau termasuklah gigi dan taring selain batu hempedu landak, hempedu beruang, tanduk banteng serta tanduk kambing gurun.